

Krisis perlantikan Datuk Kelana

# Keputusan 1984 perlu dipatuhi

Oleh ZULKIFLI ABU

SEREMBAN, Ahad — Krisis perlantikan penyandang pesaka Datuk Kelana Luak Sungai Ujong dapat diselesaikan sekiranya semua pihak yang terbabit mematuhi keputusan kerapatan adat yang dibuat pada tahun 1984, kata Tua Waris Perut Hulu, Datuk Johan Razali Khalid.

Katanya, kerapatan itu adalah menurut aturan adat dan dipersetujui oleh semua anak waris Perut Hulu dan Hillir.

"Ilanya berbalik kepada keputusan itu, krisis yang berlarutan lebih lama tahun ini dapat diselesaikan," katanya hari ini.

Menurut Datuk Johan Razali, kerapatan yang diadakan selepas itu adalah tidak sah kerana ia tidak mematuhi aturan adat.

"Masalah ini menjadi lebih rumit kerana campur tangan Datuk Shahbandar Shaari Haji Hasan dan Datuk Maharaja Lela Zamhari Haji Abdul Rahman," ujarnya.

Katanya, anak Waris Di Darat menggal tindakan yang dibuat oleh kedua-dua pihak ini.

## Campur tangan

"Menurut aturan adat, Datuk Shahbandar hanya boleh mengisyiharkan penyandang pesaka itu dan bukannya turut campur tangan dalam penilihannya," tegas Bellau.

Bellau mendakwa, Datuk Shahbandar baru-baru ini seolah-olah bersetuju dengan tindakan Encik Samair Haji Su-

laiman yang mengisyiharkan dirinya sebagai penyandang pesaka berkenaan.

Datuk Maharaja Lela Zamhari pula, katanya, tidak boleh mendakwa dirinya sebagai Tua Lembaga Waris Kelana kerana orang yang sah memegang jawatan itu ialah Datuk Andika Mendelika Fadzil Nordin.

Katanya, Datuk Maharaja Lela Zamhari juga telah mencacatkan dirinya sebagai penyandang pusaka itu kerana turul terbabit dalam peristiwa rampasan balai undang di sini daripada Datuk-Datuk Lembaga Tlang Balai.

Sementara itu Berita Harian difahamkan Dewan Keadilan dan Undang akan mengadakan mesyuaratnya dalam minggu ini.